

Perbandingan Dastar dalam Agama Sikh dengan Pemakaian Serban dalam Agama Islam

Aman Daima Md. Zain

Abstrak

Serban dalam konteks Malaysia merupakan satu istilah yang cukup sinonim dengan agama Islam dan agama Sikh. Kedua-dua agama ini menjadikan pemakaian serban sebagai salah satu amalan yang mempunyai tujuan dan falsafahnya yang tersendiri. Dalam agama Sikh, pemakaian serban atau dalam bahasa Punjabi ia dipanggil *dastar*, dianggap satu kemestian yang perlu dilaksanakan untuk membuktikan kepatuhan dan keyakinan mereka kepada ajaran Guru serta kitab suci mereka. Dalam Islam pula, serban merupakan pakaian Rasulullah s.a.w. dan umat Islam digalakkan untuk memakainya. Walaupun secara umumnya, terdapat persamaan antara serban dan dastar, namun ia berbeza dari segi pemakaian, bentuk, ukuran serta warnanya. Antara objektif kajian ini ialah untuk berkongsi maklumat dengan masyarakat majmuk di Malaysia mengenai isu pemakaian serban dalam agama Islam dan Sikh. Dengan maklumat ini, akan melahirkan sikap toleransi dan kerjasama tanpa mengira bangsa dan agama dalam kalangan masyarakat demi menjayakan konsep 1 Malaysia. Dalam kajian ini, kaedah analisis dokumen telah digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai serban dan dastar melalui kitab-kitab hadith dan juga rujukan yang berkaitan dengan agama Sikh.

Kata Kunci: pemakaian serban; dastar; agama Sikh.

Abstract

Turban in the Malaysian context is a term that is synonymous with Islam and Sikhism. These two religions wear turbans as a practice that has its own purpose and philosophy. In Sikhism, wearing a turban or dastar, in the Punjab language, is compulsory and must be executed to prove their compliance and confidence in the teachings of Gurus and the scripture. Meanwhile in Islam, the turban is a clothing of Prophet Muhammad s.a.w and Muslims are encouraged to wear it. In general there are similarities between turban and dastar, but they differ in application, form, size and color. The objective of this study is to share information with our pluralistic society in Malaysia on the issue of wearing the turban in the Muslim and Sikh communities. This information, it is hoped, will create tolerance and cooperation, regardless of race and religion in society to promote the concept of 1 Malaysia. In this study, document analysis method was used to obtain information about the turban and dastar through the books of hadith and references related to the Sikh religion.

Keywords: wearing turban, dastar, Sikhism.

Pendahuluan

Amalan pemakaian serban dalam konteks agama di Malaysia khususnya dan di dunia amnya, bukan hanya dirujuk kepada penganut agama Islam sahaja tetapi juga kepada penganut agama Sikh. Mungkin gambaran yang biasa terbayang dalam fikiran orang Islam ialah serban yang dipakai oleh orang Sikh itu mempunyai persamaan dengan serban orang Islam, tanpa mereka menyedari bahawa serban itu sebenarnya adalah salah satu bentuk adaptasi daripada tradisi orang Arab yang kemudiannya telah diterima oleh Islam sebagai salah satu ciri pakaian Islam. Mengikut pendapat ahli sejarah, serban merupakan pakaian tradisi orang-orang Arab Jahiliah yang mereka warisi daripada nenek moyang mereka sebelum kedatangan Islam lagi (Muhammad Nur Lubis 1999). Serban dianggap sebagai mahkota orang Arab dan ia adalah seumpama mahkota bagi raja-raja (al-Kelantaniy t.th.). Walaupun sebahagian daripada pakaian bangsa Arab mempunyai persamaan dengan pakaian bangsa lain di luar negara Arab, namun serban merupakan satu-satunya pakaian yang menjadi ciri khas mereka yang tidak terdapat pada bangsa-bangsa lain (al-Qari 1997). Setelah Islam muncul dengan diutusnya Rasulullah s.a.w., Islam mengambil sikap bertolak ansur iaitu tidak melarang atau mengharamkan pemakaian serban yang diwarisi dari zaman jahiliah (Muhammad Nur Lubis 1999).

Dalam agama Sikh, berlakunya proses adaptasi tersebut adalah kerana agama itu merupakan agama yang menggabungkan dua unsur agama yang terbesar di India pada masa itu iaitu Islam dan Hindu. Bahkan pengasas agama Sikh iaitu Guru Nanak merupakan seorang Hindu yang menerima pengaruh Islam dan beliau dikatakan pernah pergi ke Mekah. Malah dalam pengembaraannya, beliau memakai serban dan membawa tasbih yang biasanya dipakai oleh orang Islam (H.O.K Rahmat 1979).

Antara objektif kajian ini ialah mewujudkan sikap toleransi dalam beragama dalam kalangan masyarakat kontemporari di Malaysia yang mempunyai pelbagai bangsa, keturunan dan agama. Dengan mengetahui aspek perbezaan dan persamaan dalam pemakaian serban dan dastar dalam Islam dan Sikh, kerjasama yang merentasi agama dan kaum dapat dipupuk bukan sahaja dalam masyarakat Melayu Islam, bahkan juga dalam masyarakat agama-agama lain. Secara tidak langsung, ia dapat merealisasikan slogan 1Malaysia yang cuba diterapkan oleh kerajaan dalam masyarakat di Malaysia.

Untuk mendapat maklumat mengenai isu pemakaian serban dalam agama Sikh, beberapa tulisan akbar dan kajian terkini yang berkaitan telah dirujuk. Antaranya ialah *United Sikhs Files Criminal Complaint Against Punjab Police for the Unlawful Removal of a Sikh's Turban and Demands Accountability from the India Goverment* (Anon 2011). Walau bagaimanapun, tulisan ini hanya memfokuskan kepada kedudukan serban atau dastar dan pemakaianya dalam kalangan penganut Sikh yang dianggap mulia di sisi mereka. Manakala dalam tulisan yang ditulis oleh McClatchy (2009) yang bertajuk *North Texas College Students Try on Turbans, New Perspective* pula menerangkan mengenai fungsi serban sebagai lambang persaudaraan dalam kalangan orang Sikh sehingga mereka mengadakan Hari Serban untuk memberi pendedahan kepada masyarakat luar tentang keunikan serban mereka. Menurut Mschafer (2010) dalam tulisannya yang bertajuk *Sikh Soldier Allowed to Wear Turban* pula menceritakan mengenai askar Sikh yang berkhidmat dengan tentera Amerika telah dibenarkan untuk memakai serban dalam perkhidmatan mereka. Walaupun begitu, ketiga-tiga tulisan ini tidak menyentuh sedikitpun mengenai serban yang dipakai oleh orang Islam.

Selain itu, terdapat artikel yang berkaitan dengan pemakaian serban secara terperinci iaitu yang bertajuk *Kupasan Pemakaian Serban Ketika Menunggang Motosikal Berdasarkan Fiqh Keutamaan* yang ditulis oleh Basri Ibrahim et. al. (2009). Walaupun artikel ini membincangkan mengenai serban, namun ia lebih kepada pemakaianya dalam Islam tanpa membandingkan dengan serban yang terdapat dalam agama Sikh. Oleh itu,

aspek yang menjadi keutamaan dan kelainan yang dibincangkan dalam artikel ini ialah mengenai perbezaan antara serban yang terdapat dalam agama Islam dan agama Sikh. Untuk merealisasikan tujuan dan objektif di atas, metod analisis dokumen telah digunakan untuk mencari maklumat yang berkaitan dengan serban dalam kitab-kitab hadith dan fiqh serta rujukan mengenai dastar dalam agama Sikh.

Kewajipan Pemakaian Dastar dalam Agama Sikh dan Kepentingannya

Dastar merupakan salah satu lambang yang menjadi pengenalan kepada penganut agama Sikh yang membezakan mereka dengan orang-orang India yang lain. Pemakaiannya amat dititikberatkan kepada semua penganut Sikh tanpa mengira jantina dan umur. Walaupun begitu, tidak semua penganutnya memakai dastar dalam kehidupan sehari-hari mereka. Ia dipengaruhi oleh faktor-faktor luaran, persatuan, keluarga, terperangkap dalam amalan budaya dan mungkin tidak memahami matlamat pemakaian dastar dalam agama Sikh itu sendiri (<http://fateh.sikhnet.com>).

Pemakaian dastar dianggap penting kerana ia mempunyai hubungan yang erat dengan lambang-lambang lain dalam agama Sikh yang dipanggil *panch kehaar*. Lambang-lambang tersebut ialah *kes* (rambut), *kara* (gelang), *kachera* (seluar), *kirpan* (pedang) dan *kangha* (sikat). Bagi mereka, lambang-lambang ini menjadi pegangan dan simbol persaudaraan yang sejati sesama mereka dan persaudaraan ini dizahirkan melalui penubuhan golongan *khalsa* iaitu golongan yang dianggap suci dalam agama Sikh (Aman Daima 2001).

Antara lima lambang ini, *kes* dianggap sebagai lambang yang paling utama yang perlu diamalkan dalam kehidupan mereka. Untuk menghormati dan menjaga *kes* ini pula, Orang Sikh perlu memakai dastar bagi membuktikan ketaatan mereka kepada ajaran agama Sikh. Pertalian ini mempunyai asasnya, kerana hanya penganut Sikh yang benar-benar taat dan berani sahaja yang sanggup menyimpan rambut yang panjang dan ketaatan tersebut akan dizahirkan melalui pemakaian serban (Agus Salim 1985). Oleh kerana dastar amat dihormati dan dipandang tinggi dalam agama Sikh, mereka yang tidak memakainya akan dianggap terkeluar dari amalan kebiasaan agama mereka. Bahkan ia dianggap sebagai satu penghinaan kepada agama sekiranya mereka membuang dastar dari kepala dengan kasar dan kuat. Justeru, anak-anak Sikh telah dilatih untuk memakai dastar sejak berumur lima tahun agar mereka menghormati dastar dari peringkat awal lagi (al-Alusi 2001).

Pemakaian dastar dalam agama Sikh mempunyai tujuan dan falsafahnya yang tersendiri. Antaranya ialah mereka dapat mengenali antara satu sama lain dengan lebih mudah walau di mana mereka berada. Ia juga dapat mengeratkan hubungan sesama golongan Khalsa, di samping dapat membangkitkan semangat dan perasaan bangga mereka sebagai golongan yang dianggap mulia dalam agama Sikh (Sikh Naujawan Sabha 1969). Selain daripada itu, pemakaian dastar dalam agama Sikh juga dianggap sebagai satu ujian kepada penganutnya bagi mengukur tahap ketaatan dan kepatuhan mereka kepada agama. Ujian ini penting kerana bukan mudah untuk menjadi seorang penganut yang benar-benar taat kepada agama. Mereka yang sanggup memakai dastar dan menyimpan rambut serta janggut yang panjang akan memudahkan pihak musuh mengenali mereka dan ini membahayakan diri mereka (Agus Salim 1985).

Bagi orang Sikh, dastar bukan hanya sekadar kain semata-mata, tetapi lebih menggambarkan identiti yang unik bagi agama mereka. Mereka yakin bahawa tanpa identiti ini, maka tiadalah agama Sikh. Identiti ini merupakan hadiah yang diberikan oleh Guru Sikh yang terakhir iaitu Guru Gobind Singh pada hari Baisakhi pada tahun 1699 kepada penganut Sikh sebagai simbol penghormatan dan kemuliaan. Di samping itu, amalan memakai dastar ini juga menggambarkan janji dan ikrar mereka untuk mempertahankan ajaran Guru-guru Sikh terutamanya Guru Gobind Singh dan kitab suci mereka iaitu Guru Granth Sahib.

Dalam sejarah perkembangan agama Sikh, dastar dianggap sebahagian daripada amalan kerohanian yang penting. Ia dapat dilihat dari sudut peranannya sebagai mahkota dan pintu kerohanian kepada manusia. Pintu ini pula dilindungi oleh rambut yang bertindak sebagai antena untuk melindungi kepala daripada kepanasan matahari. Orang Sikh yang tidak memotong rambut, sebenarnya mereka telah menyimpan tenaga di atas kepalanya iaitu di pusat solar mereka yang berada di atas kepalanya di bahagian hadapan (anterior fontanel). Manakala bagi wanita pula, mereka mempunyai dua pusat suria iaitu satu di atas kepalanya di bahagian hadapan (anterior fontanel) dan yang satu lagi di atas kepalanya ke arah belakang (posterior fontanel). Dengan ini, rambut yang dibalut dengan dastar itu dapat memberikan tenaga dan membantu mereka mengekalkan fokus terhadap kerohanian mereka. Mereka meyakini bahawa tenaga yang diberikan oleh Guru ini adalah suci. Apabila mereka menyimpannya, tenaga Guru akan berada dalam kehidupan mereka dan memberikan mereka pengalaman hidup Guru itu sendiri. Justeru, untuk membantu mengekalkan tenaga tersebut, mereka harus menutup kepalanya dengan dastar. (<http://fateh.sikhnet.com>).

Cara Pemakaian Dastar, Ukuran dan Warnanya

Dalam agama Sikh, dastar dipakai oleh semua penganutnya sama ada lelaki atau perempuan, kanak-kanak atau orang dewasa kerana ia menggambarkan identiti mereka sebagai orang Sikh. Walaupun terdapat dalam kalangan mereka yang tidak memakai dastar, mereka masih dianggap penganut Sikh, tetapi tidak seperti yang dikehendaki oleh Guru Gobind Singh. Mereka tidak dianggap sebagai penganut Sikh yang komited dengan ajaran agama mereka kerana tidak mempunyai identiti agama Sikh.

Dari segi pemilihan warna, dastar Sikh tidak mempunyai warna yang khusus. Walau bagaimanapun, warna-warna dastar yang sering dipakai oleh orang Sikh ialah putih, biru tua dan oren. Ketiga-tiga warna ini dipilih kerana ia mempunyai maksud dan simbolik yang tersendiri. Bagi orang-orang Sikh, warna putih adalah warna untuk meningkatkan aura dan sebagai pendinding diri. Dastar berwarna putih biasanya dipakai semasa upacara kematian dan warna ini dianggap suatu kewajipan oleh kebanyakan mereka, manakala warna biru melambangkan kepahlawanan dan biasanya dipakai oleh golongan bangsawan, menteri dan juga orang Sikh yang memimpin upacara-upacara dalam agama mereka yang dipanggil *gyanis*, terutamanya di India. Warna oren pula melambangkan kebijaksanaan yang biasanya dipakai oleh semua penganut Sikh di seluruh dunia. Warna ini kebiasaannya dipakai semasa upacara-upacara keagamaan dan juga perayaan-perayaan tertentu (<http://fateh.sikhnet.com>).

Selain daripada tiga warna ini, warna merah jambu atau merah dan hitam juga menjadi pilihan penganut Sikh. Kebiasaannya mereka memakai dastar yang berwarna pink atau merah untuk majlis-majlis istimewa seperti majlis perkahwinan dan pertunungan. Manakala pemilihan warna hitam pula adalah untuk menggambarkan kesedihan mereka atas kematian penganut-penganut agama Sikh terutamanya semasa zaman penjajahan dan penindasan British ke atas India dahulu (al-Alusi 2001). Dari segi ukuran dan warna kain dastar pula, tidak ada peraturan tertentu yang ditetapkan. Kebiasaannya panjang kain dastar yang dipakai oleh penganut Sikh ialah antara lima hingga enam meter bergantung kepada kehendak individu masing-masing dan ia berbeza antara satu sama lain (Darshan Singh Gill 2009).

Hukum Pemakaian Serban dan Kepentingannya dalam Agama Islam

Seterusnya kajian ini akan membincangkan mengenai serban yang terdapat dalam agama Islam untuk melihat sejauhmana persamaan dan perbezaan antara dastar dengan serban. Dalam Islam, serban merupakan salah satu pakaian Rasulullah s.a.w.. Walau bagaimanapun, ulama Islam berselisih pendapat mengenai hukum memakai serban ini.

Ada pendapat yang mengatakan ia adalah sunnah yang sunat dan digalakkan. Pendapat ini dipegang oleh al-Shawkani. Ada juga ulama Islam seperti Muhammad Rasyid Reda dan 'Abd al-'Aziz bin Baz, bekas Mufti Kerajaan Arab Saudi yang berpendapat bahawa hukum memakai serban tidak termasuk dalam amalan sunnah, tetapi adat orang-orang Arab sahaja. Namun, menurut pendapat al-Qaradawi, mengikuti apa sahaja yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. dikira perbuatan yang terpuji yang tidak harus ditolak kerana ia adalah kebaikan (Basri et. al. 2009). Oleh itu, sama ada kita berpandangan pemakaian serban itu sunat atau tidak, mendapat pahala atau tidak, kita tidak boleh menafikan bahawa Nabi s.a.w. sememangnya memakai serban dalam hidupnya.

Sebagaimana dastar dalam agama Sikh, isu pemakaian serban dalam Islam juga mempunyai kepentingannya yang tersendiri. Ini dapat dilihat kepada banyaknya hadith mengenai serban Rasulullah s.a.w. yang tercatat di dalam kitab-kitab hadith sehingga para *muhaddithin* sendiri meletakkan satu bab yang khusus mengenai pemakaian serban oleh Rasulullah s.a.w..

Cara Pemakaian Serban, Ukuran dan Warnanya

Cara pemakaian serban Rasulullah s.a.w. terdapat dalam beberapa hadith. Antaranya ialah serban dalam Islam dipakai bersama kopiah sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w.:

إِنَّ فَرْقَ مَا بَيْنَنَا وَبَيْنَ الْمُشْرِكِينَ الْعَمَائِمُ عَلَى الْقَلَانِسِ

Maksudnya:

Perbezaan di antara kami dengan orang kafir Musyrikin ialah memakai serban di atas kopiah.

(al-Tirmidhiy 1983, no. 1845: 158)

Namun menurut Ibn Qayyim, ada juga ketikanya Rasulullah s.a.w. memakai serbannya yang dipanggil *al-Sahab* bersama kopiah dan ada ketikanya baginda memakai serban tanpa kopiah (Ibn Qayyim 2002). Selain itu, bentuk serban yang terdapat dalam Islam ialah ia mempunyai ekor yang diletakkan di antara kedua-dua bahu. Ini dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar r.a.:

كَانَ النَّبِيُّ ﷺ إِذَا أَعْتَمَ سَدَلَ عِمَامَتُهُ بَيْنَ كَتَفَيْهِ

Maksudnya:

Bahawa Rasulullah s.a.w. apabila memakai serban, baginda akan meletakkan ekor serbannya di antara dua bahu.

(al-Tirmidhiy 1983, no. 1790: 139)

Dalam hadith lain yang diriwayatkan oleh Ja'afar bin 'Amr bin Umayyah dari bapanya, katanya:

كَانَ أَنْظُرُ السَّاعَةَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ ﷺ عَلَى الْمِنْبَرِ وَعَلَيْهِ عِمَامَةٌ سَوَادُهُ قَدْ أَرْخَى طَرَفَهَا بَيْنَ كَتَفَيْهِ

Maksudnya:

Aku masih terbayang-bayang lagi ketika melihat Rasulullah s.a.w. naik ke mimbar dengan memakai serban hitam dan baginda telah melepaskan ekor serbannya di antara dua bahunya.

(al-Nasa'i 1930: 211)

Selain itu, bentuk serban yang dipakai oleh Rasulullah s.a.w. adalah sederhana besarnya, tidak terlalu besar sehingga berat untuk menanggungnya dan tidak juga berukuran kecil sehingga tidak dapat melindungi kepala daripada cuaca sejuk dan panas (al-Dimyati t.th.). Ukuran serban yang dipakai oleh baginda s.a.w. pula, ia tidak disebut dalam mananya hadith yang masyhur. Namun yang diketahui ialah panjang serban baginda ialah tujuh hasta (Sulaiman 2001). Serban yang biasa dipakai oleh baginda s.a.w. ialah warna hitam sebagaimana yang diriwayatkan oleh Jabir:

دَخَلَ النَّبِيُّ عَلَيْهِ السَّلَامُ يَوْمَ الْفَتْحِ وَعَلَيْهِ عِمَامَةُ سَوَادٍ

Maksudnya:

Bahawa Rasulullah s.a.w. memasuki hari pembukaan Mekah dengan memakai serban yang berwarna hitam.

(Abu Dawud 1994, no. 4079, 270)

Selain warna hitam, baginda juga suka memakai serban yang berwarna putih berdasarkan hadith:

الْبُسُوا الْبَيَاضَ فَإِنَّهَا أَطْهَرُ وَأَطْيَبُ، وَكَفُّوا فِيهَا مَوْتَاكُمْ

Maksudnya:

Pakailah pakaian warna putih kerana sesungguhnya ia lebih suci dan lebih baik dan kafankanlah dengannya jenazah-jenazah kamu.

(al-Mundhiri 1993, no. 3122: 57)

Perbandingan antara Dastar dan Serban

Setelah membuat perbandingan antara dastar dan serban dalam agama Sikh dan Islam, beberapa rumusan dapat dibuat dengan melihat kepada aspek persamaan dan perbezaan antara kedua-duanya. Perkara yang utama ialah mengenai asal usul dastar dalam agama Sikh. Dari segi sejarah perkembangan agama Sikh, dastar bukan berasal dari agama Sikh, tetapi lebih kepada proses adaptasi daripada pakaian bangsa Arab jahiliah yang akhirnya diterima oleh Rasulullah s.a.w. sebagai salah satu pakaian Islam. Walaupun terdapat kenyataan tentang pemakaian dastar oleh Guru Nanak semasa beliau menyebarkan agama Sikh, ia bukan bermakna pemakaian dastar itu lahir dalam agama Sikh. Kemungkinan kenyataan ini ingin membuktikan bahawa Guru Nanak mempunyai kecenderungan terhadap unsur-unsur Islam dan Hindu dalam membina agama Sikh.

Dari sudut kewajipannya pula, pemakaian dastar dalam kalangan pengikut Sikh menjadi tuntutan agama yang wajib dilaksanakan bukan hanya kepada kaum lelaki, tetapi juga kepada kaum wanita. Ini berbeza dengan Islam yang menggalakkan kaum lelakinya memakai serban kerana ia adalah pakaian Rasulullah s.a.w.. Pemakaianya tidak diwajibkan, apatah lagi kepada kaum wanita. Selain itu, tujuan pemakaian dastar dalam agama Sikh lebih berfokus kepada ketaatan mereka kepada ajaran dan fizikal guru-guru Sikh. Dari aspek ini, ia mempunyai unsur persamaan dengan tujuan pemakaian serban dalam Islam itu sendiri iaitu untuk mengikut pakaian Rasulullah s.a.w..

Dari aspek warna pula, pengikut Sikh bebas untuk memilih warna serban mengikut kehendak mereka walaupun terdapat beberapa warna yang menjadi kebiasaan dalam kalangan mereka. Begitu juga dalam Islam, warna serban tidak ditetapkan, tetapi warna serban kegemaran Rasulullah s.a.w. ialah hitam dan putih. Kalau dibandingkan dari sudut cara pemakaian dan bentuk, jelas menunjukkan bahawa serban berbeza dengan dastar melalui pemakaian kopiah dan juga ekor di antara kedua-dua bahu yang diletakkan di bahagian belakang. Oleh itu, kajian ini telah menunjukkan bahawa serban dan dastar ini

mempunyai perbezaan dalam aspek-aspek yang telah dibincangkan. Namun, persamaan tetap ada kerana wujudnya unsur pengaruh Islam dalam agama Sikh itu sendiri.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, perbandingan yang dibuat antara serban dalam Islam dengan dastar dalam agama Sikh telah memperlihatkan beberapa persamaan dan juga perbezaan dalam aspek-aspek yang tertentu. Perbandingan ini secara tidak langsung memberi maklumat yang berguna kepada setiap masyarakat Islam khususnya tentang serban atau dastar yang dipakai oleh orang Sikh sama ada dari aspek kepentingan, cara pemakaian, ukuran dan warnanya. Maklumat yang jelas ini dapat mengelakkkan kekeliruan antara anggota masyarakat mengenai aspek-aspek tertentu dalam agama-agama yang diamalkan di Malaysia khususnya agama Sikh. Kefahaman ini dapat membantu ke arah persefahaman antara kaum, tanpa timbulnya perasaan prejedis terhadap agama dan budaya kaum lain.

Yang jelas, pemakaian dastar oleh penganut agama Sikh sangat berkait rapat dengan kepercayaan, budaya dan amalan agama mereka. Kemungkinan atas sebab inilah, kerajaan membenarkan pemakaian dastar untuk orang-orang Sikh ketika mereka menunggang motosikal di atas jalan raya. Berlainan pula dengan serban yang dipakai oleh orang Islam yang tidak dianggap wajib, tetapi digalakkan sebagai mengikuti Rasulullah s.a.w.. Walau bagaimanapun, setiap agama mempunyai pegangan yang tersendiri yang harus kita terima. Perbezaan adalah suatu perkara yang biasa terutamanya apabila ia melibatkan agama samawi dan agama yang bukan samawi.